



ISMAIL (tiga kanan) menyampaikan cenderamata kepada Redzuan diperhatikan Samsudin (dua kanan) dan Zamri (kanan).

Pengarah UMS-KAL terima kunjungan pegawai Tabung Haji

UB 09.01.2013 A-2

LABUAN: Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Madya Dr Ismail Ali telah menerima kunjungan hormat pegawai kanan Tabung Haji di pejabatnya, kelmarin.

Rombongan Tabung Haji itu diketuai oleh Pengurus Tabung Haji Travel Wilayah Sabah, Ridzuan Salim yang diiringi Pengurus Tabung Haji Labuan, Samsudin Ali.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohammad Tuah.

Ismail berkata, kunjungan hormat itu bertujuan untuk merapatkan hubungan dua hala antara kedua-dua agensi terutama yang membabitkan kakitangan dan pelajar UMS-KAL sebagai pelanggan Tabung Haji.

Selain itu, katanya, Tabung Haji juga boleh mengadakan kursus simulasi haji di UMS-KAL yang mempunyai kemudahan menunaikan ibadat itu.

"Tabung Haji boleh mengadakan kursus dan latihan amali di UMS-KAL yang mempunyai kemudahan untuk menunaikan ibadat berkenaan," katanya.

Ismail juga berharap kakitangan Tabung Haji dan UMS-KAL boleh mengadakan pelbagai acara untuk mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin termasuk acara sukan dan rekreasi.

Katanya, kakitangan Tabung Haji dialu-alukan mengadakan aktiviti sukan yang membabitkan kakitangan dan pelajar UMS-KAL di kampus ini.